




**SESI AMALAN BAIK
PEMODENAN LESEN PERNIAGAAN
PIHAK BERKUASA TEMPATAN
WILAYAH UTARA**


**“MENJAYAKAN TRANSFORMASI
PELESENAN PERNIAGAAN”**

PROSES AMALAN TERBAIK PERATURAN

pendekatan inovatif dalam penyelesaian masalah.....



Peraturan adah apa-apa perundangan utama atau sekunder yang diluluskan oleh badan perundangan dan ianya merangkumi 'quasi-regulation' (lesen, permit, garis panduan, 'codes of conduct', dan pemeriksaan. Tujuan utama peraturan berkenaan adalah untuk pematuhan dan mempengaruhi tata laku kelompok atau sesebuah komuniti manusia.




Pada umumnya kesemua peraturan adalah baik dan berguna, namun kadangkala perhatian harus diberikan ketas peraturan yang membebankan dan perlu diubah suai selaras dengan peredaran masa.



Penentuan sama ada sesuatu peraturan tersebut menepati objektifnya iaitu faktor 'keberkesanan' dan 'kecekapan' adalah berdasarkan kajian kos dan faedah yang boleh dikesan sebelum peraturan berkenaan diluluskan

PROSES AMALAN TERBAIK PERATURAN

pendekatan inovatif dalam penyelesaian masalah.....



Kos pematuhan adalah berkaitan kos gaji dan masa yang disediakan oleh pengusaha, pengurus perniagaan, serta kakitangan syarikat, dan apa-apa yuran serta pembayaran perkhidmatan bagi memastikan pematuhan terhadap peraturan perniagaan berkenaan.




Di negara ini semua aktiviti perniagaan adalah tertakluk kepada bidang kuasa kerajaan pusat, kerajaan negeri, dan kerajaan tempatan – kesan kumulatif pematuhan peraturan adalah kompleks dan membebankan. problems.



Koordinasi antara jabatan-jabatan terlibat adalah perlu untuk mengatasi isu-isu 'paperwork burden' pengurusan penyelesaian secara 'horizontal' ini. Keberkesanan komunikasi, saluran penyampaian maklumat, mengelakkan pertindihan dan aktiviti yang berulang-ulang adalah penting di berikan penekanan.

PROSES AMALAN TERBAIK PERATURAN

pendekatan inovatif dalam penyelesaian masalah.....



Inisiatif koordinasi bagi mengurangkan 'paperwork burden' ini dapat meningkatkan kecekapan pengurusan pelesenan dan kos pengurusan kerajaan



Inisiatif ini memerlukan jabatan mengenalpasti isu dan masalah kerendah pelesenan, integrasi dengan jabatan berkaitan , aktiviti penambahbaikan jangka panjang.



Inisiatif ini sentiasa menjadi agenda utam kerajaan tambahan pula ianya melibatkan kebanyakan enterprais keci dan sederhana di Malaysia. Secara tidak langsung ianya dapat meningkatkan produktiviti mereka dan seterusnya dapat bersaing secara berkesan bagi mencapai pertumbuhan perniagaan.

KE ARAH KECERMERLANGAN SISTEM PENYAMPAIAN inisiatif penambahbaikan berterusan kerajaan.....

Sejak tahun 2005 penambahbaikan Sistem Penyampaian Kerajaan sentiasa menjadi agenda utama bagi setiap perancangan jangka pendek dan jangka panjang pihak kerajaan



KE ARAH KECERMERLANGAN SISTEM PENYAMPAIAN enjin transformasi perubahan.....

Enjin transformasi

Transformasi melibatkan perubahan **asas** dalam aspek

- Bagaimana organisasi **melakukan** aktiviti (Pelaksanaan)
- **Keperibadian** organisasi itu (Kewujudan)

Untuk mencapai keberhasilan besar dengan cepat

Ia beroperasi
dengan cara
berbeza


**Pelaksanaan
("Perbuatan")**



**Kewujudan
("Keperibadian")**

Ia menjadi
organisasi
berbeza secara
keseluruhan

TRANSFORMASI SISTEM PENYAMPAIAN mengatasi ancaman 'change monster'



- “ **Komitmen yang tinggi dan mempunyai dan merangka strategi dan pelan tindakan yang berkesan**
- “ **Melaksanakan dan menguruskan perubahan dengan bersungguh sungguh dan efisien**
- “ **Mengurus dan menangani perubahan yang melibatkan 'kelakuan'dan 'emosi' warga kerja**

Secara ringkasnya perubahan adalah perlu dalam aspek:



- **Pengurusan, kordinasi dan kerjasama**
- **Pengukuran dan pelaporan**
- **Pengurangan jumlah lesen dan simplifikasi**

TRANSFORMASI SISTEM PENYAMPAIAN

cadangan penambahbaikan pelesenan....

1

Wujudkan komitmen jangka panjang disetiap peringkat kepimpinan dan warga kerja – Malaysia antara peneraju fokus ini dalam EODB (Laporan Bank Dunia).

2

Mengenalpasti ‘champion’ dikalangan kepimpinan peringkat nasioanal , negeri, dan organisasi. Ini langkah penting untuk melibatkan pihak-pihak berkepentingan dan komuniti perniagaan.

3

Memperkasakan hubungan kerjasama diantara kerajaan persekutuan, negeri, dan kerajaan tempatan. Melalui peningkatan kerjasama komunikasi, kordinasi, dan akuntabiliti bersama.

TRANSFORMASI SISTEM PENYAMPAIAN

cadangan penambahbaikan pelesenan....

4

Wujudkan sistem pengukuran kos 'paperwork burden' yang standard. Kos yang perlu ditanggung oleh komuniti perniagaan ini adalah merupakan KPI utama disamping 'timeliness' dan perlu dipantau secara berkala.

5

Kepimpinan atasan dan organisasi menetapkan sasaran yang sesuai bagi mengurangkan kos 'paperwork burden' tersebut. Pencapaian sasaran pula boleh diukur melalui Kajian Kepuasan Pelanggan.

6

Menetapkan sasaran di peringkat jabatan dan unit melalui kaedah dan sistem pengukuran yang berkesan. Melaporkan pencapaian kepada peringkat atasan dan piha-pihak berkepentingan.

TRANSFORMASI SISTEM PENYAMPAIAN cadangan penambahbaikan pelesenan....

7

Mengurangkan masalah 'paperwork burden' melalui pendekatan 'simplification' dan penambahbaikan secara berterusan. Ini memerlukan pengetahuan dan bantuan mengenai pendekatan 'smart regulation'.

8

Menilai semula keperluan atau obligasi keatas maklumat yang diperlukan. Inventori obligasi maklumat perlu diwujudkan dan maklumat yang diperlukan hanyalah terhad kepada pencapaian objektif sesuatu dasar berkenaan sahaja.

9

Mewujudkan permohonan lesen secara atas talian atau melalui pusat setempat. Usaha ini perlu disokong dengan kaedah kelulusan dan pembuatan keputusan yang cepat dan cekap.

TRANSFORMASI SISTEM PENYAMPAIAN cadangan penambahbaikan pelesenan....

10

Menggunakan pendekatan perundingan dan kosultasi dengan komuniti perniagaan dan pihak-pihak berkepentingan bagi mengumpul maklumbalas dan menjana idea-idea yang terkini.

TERIMA KASIH

